

PENGABAIAN NAFKAH ZAHIR SEBAGAI ISU KEMANUSIAAN DAN AGAMA: SUATU CADANGAN KERANGKA TINDAKAN

NEGLECTING APPEARANCES AS A HUMANITARIAN AND RELIGIOUS ISSUE: A PROPOSED FRAMEWORK FOR ACTION

Atiratun Nabilah Jamil^{1*}

Nurhidayah Muhamad Sharifuddin²

Khafizatunnisa' Jaapar³

Mohd Farhan Abd Rahman⁴

Muhd Imran Abd Razak⁵

^{1*} Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia
(E-mail: atiratun1774@uitm.edu.my)

² Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia
(E-mail: hidayahsharifuddin@uitm.edu.my)

³ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia
(E-mail:khafiz920@uitm.edu.my)

⁴ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia
(E-mail:farhan84@uitm.edu.my)

⁵ Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar, 32610 Perak, Malaysia
(E-mail:imranrazak@uitm.edu.my)

*Corresponding author: atiratun1774@uitm.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Jamil, A.N, Sharifuddin, N.H, Jaapar, K, Rahman, M.F.A., & Razak, M.I.A., (Year). Pengabaian nafkah zahir sebagai isu kemanusiaan dan agama: suatu cadangan kerangka tindakan. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (75), 407 – 415.

Abstrak: Pengabaian nafkah zahir oleh suami atau bekas suami merupakan antara isu kritikal yang memberi kesan langsung terhadap kesejahteraan wanita dan anak-anak dalam institusi kekeluargaan Muslim. Fenomena pengabaian masih berlaku secara meluas dalam masyarakat walaupun kewajipan pemberian nafkah telah diperincikan dalam nas al-Quran, hadis dan kitab-kitab fiqh. Tujuan penulisan kertas konsep ini adalah untuk mencadangkan satu kerangka tindakan yang bersifat holistik bagi menangani isu pengabaian nafkah zahir melalui pendekatan agama, sosial dan perundangan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis kandungan terhadap jurnal akademik berkaitan tanggungjawab nafkah dan pembangunan sistem kekeluargaan Islam. Dapatkan menunjukkan bahawa isu ini berpunca daripada kelemahan dalam pendidikan nilai agama, ketiadaan sistem sokongan interim untuk mangsa serta kegagalan memahami kedudukan nafkah sebagai amanah. Kajian literatur juga

memperlihatkan bahawa penyelesaian jangka panjang menuntut sinergi antara penguatkuasaan undang-undang, pemerkasaan institusi keluarga dan pendidikan berteraskan nilai Islam. Justeru, kertas ini mengemukakan satu cadangan kerangka tindakan bersepada sebagai usaha menegakkan keadilan dan menjaga maruah keluarga Muslim secara menyeluruh.

Kata Kunci: *fiqh kekeluargaan, keadilan keluarga Islam, nafkah zahir, pengabaian tanggungjawab, Undang-undang Keluarga Islam*

Abstract: *The neglect of financial maintenance (nafkah zahir) by husbands or ex-husbands remains a critical issue affecting the well-being of women and children in Muslim families. This phenomenon continues to persist widely in contemporary society even though the obligation of maintenance is clearly outlined in the Qur'an, Hadith and fuqaha' perspectives. The primary aim of this concept paper is to propose a comprehensive action framework to address the issue of maintenance neglect through religious, social and legal perspectives. This study adopts a qualitative approach based on content analysis of academic journals related to family obligations and Islamic social responsibility. The findings indicate that the core causes include weak religious literacy, inadequate interim support systems for affected dependents and failure to internalise the religious accountability associated with providing maintenance. The literature also underscores the necessity of a holistic solution that integrates legal enforcement, institutional reform and value-based education rooted in Islamic principles. Hence, this paper proposes an interdisciplinary action framework aimed at upholding justice, preserving dignity and protecting the welfare of Muslim families.*

Keywords: *Islamic family law, financial maintenance, neglect of duty, Muslim family justice*

Pendahuluan

Isu pengabaian nafkah zahir oleh suami atau bekas suami semakin menjadi kebimbangan dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia (Salam & Khatib, 2020). Kewajipan pemberian nafkah merupakan asas penting dalam pembentukan institusi keluarga yang sejahtera dan harmoni. Namun begitu, realiti menunjukkan peningkatan kes tunggakan nafkah yang memberi kesan langsung terhadap kebajikan wanita dan anak-anak terutamanya selepas berlaku perceraian. Situasi ini bukan sahaja menggugat kelangsungan hidup keluarga yang ditinggalkan malah mencerminkan kepincangan dari sudut kefahaman agama, sikap tanggungjawab serta keberkesanan sistem penguatkuasaan sedia ada. Dalam konteks hukum Islam, nafkah zahir ditakrifkan sebagai penyediaan keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal, dan rawatan kesihatan oleh suami kepada isteri dan anak-anak, mengikut kadar kemampuan dan kebiasaan setempat ('urf). Kewajipan ini disokong oleh dalil syarak, antaranya firman Allah SWT:

"Dan kewajipan bapa ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu menurut cara yang sepatutnya..."

(Surah al-Baqarah, ayat 233)

Sarjana Islam menjelaskan bahawa kegagalan menunaikan nafkah adalah suatu bentuk kezaliman yang boleh dikenakan tindakan mahkamah, malah berdosa di sisi agama (Syafi'i & Murtadho, 2025). Dalam perundangan Malaysia pula, perkara ini diperincikan menerusi peruntukan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 (Akta 303) dan enakmen negeri yang

memperuntukkan bahawa nafkah adalah hak isteri dan anak-anak yang boleh dituntut serta dikuatkuasakan oleh Mahkamah Syariah. Meskipun undang-undang telah digubal dan perintah mahkamah boleh dikeluarkan, pelbagai cabaran masih timbul dalam pelaksanaan perintah nafkah (Saberi et. al, 2025). Antara yang dikenal pasti ialah keengganan suami mematuhi perintah, kelemahan dalam penguatkuasaan serta ketiadaan sistem sokongan kewangan interim bagi pihak yang teraniaya. Lebih mendukacitakan, beban sara hidup yang sepatutnya dipikul bersama akhirnya menjadi tanggungan isteri atau ibu tunggal secara bersendirian (Hammad, 2014; Sholeh et. al, 2025).

Isu ini bukan sekadar permasalahan undang-undang tetapi turut mencerminkan krisis kemanusiaan dan kelompongan dalam sistem sosial. Ia melibatkan aspek tanggungjawab moral, keadilan sosial dan perlindungan terhadap golongan wanita dan kanak-kanak dalam keluarga. Oleh itu, perlu wujud satu pendekatan bersepada dan menyeluruh melibatkan institusi agama, kehakiman, masyarakat civil serta agensi kebaikan bagi memastikan hak wanita dan anak-anak terpelihara dengan sewajarnya (Syafi'i & Murtadho, 2025). Sehubungan itu, kertas konsep ini dibangunkan bagi mengemukakan satu kerangka tindakan yang bersifat menyeluruh dalam menangani isu pengabaian nafkah zahir. Kerangka ini akan dirumus berdasarkan analisis kandungan terhadap jurnal akademik yang berkaitan dengan tanggungjawab nafkah dalam Islam. Diharapkan usaha ini dapat menjadi panduan awal ke arah pemerkasaan sistem pengurusan nafkah dalam masyarakat Islam di Malaysia secara berkesan.

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kaedah analisis kandungan. Pendekatan ini dipilih kerana ia membolehkan penulis meneliti secara mendalam isu pengabaian nafkah zahir dalam kalangan masyarakat Melayu melalui interpretasi terhadap jurnal akademik yang pelbagai. Oleh kerana kajian ini bersifat konseptual dan tidak melibatkan pengumpulan data lapangan secara langsung, kaedah analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema-tema utama berkaitan perbahasan nafkah dalam perspektif agama, perundangan dan sosial (Fortnum, 2025). Sumber utama kajian ini terdiri daripada jurnal akademik. Jurnal akademik yang dirujuk meliputi penerbitan terkini dalam bidang Undang-Undang Keluarga Islam, Sosiologi Keluarga dan Pengajian Islam yang membincangkan fenomena tunggakan nafkah serta isu-isu berkaitan hak wanita dan perlindungan anak-anak dalam masyarakat Islam.

Melalui analisis kandungan secara tematik, penulis mengenal pasti beberapa elemen penting yang menjadi fokus utama kajian antaranya termasuk definisi nafkah zahir dalam konteks hukum Islam bentuk pengabaian nafkah yang berlaku dalam masyarakat, faktor yang menyumbang kepada pelanggaran tanggungjawab nafkah serta pendekatan penyelesaian yang dicadangkan oleh sarjana Islam dan penggubal dasar. Kaedah ini turut digunakan untuk mengesan jurang antara prinsip hukum Islam yang ideal dengan realiti pelaksanaan dalam sistem perundangan dan kehidupan masyarakat hari ini. Hasil daripada analisis ini, penulis merumuskan satu cadangan awal kerangka tindakan yang bersifat holistik dan interdisiplin, bagi mengatasi isu pengabaian nafkah secara menyeluruh. Kerangka tersebut merangkumi aspek penguatkuasaan undang-undang Syariah, pendidikan nilai tanggungjawab keluarga, dan pembangunan sistem sokongan sosial yang menyeluruh. Kesimpulannya, metodologi ini membolehkan pemetaan isu dilakukan dengan lebih sistematik, berasaskan rujukan yang sahih dan berpaksikan prinsip maqasid syariah serta keadilan keluarga dalam Islam.

Sorotan Literatur

Perbahasan mengenai nafkah zahir sebagai tanggungjawab suami telah menjadi topik penting dalam pelbagai disiplin khususnya dalam fiqh kekeluargaan, undang-undang keluarga Islam, dan kajian sosiologi keluarga. Dalam tradisi fiqh, ulama seperti Imam al-Nawawi (2005) melalui *al-Majmū'* menegaskan bahawa pemberian nafkah kepada isteri dan anak-anak adalah satu kewajipan yang tidak gugur selagi ikatan perkahwinan wujud atau selagi anak masih berada di bawah tanggungan. Bahkan jika suami gagal melaksanakannya, isteri berhak menuntutnya di mahkamah dan jika perlu, pihak berkuasa boleh mengambil tindakan penguatkuasaan. Pandangan ini turut disokong oleh Ibn Qudāmah dalam *al-Mughni* (1997) yang menyatakan bahawa nafkah merupakan hak syarie yang tidak boleh dinafikan kecuali dengan sebab yang sah menurut hukum.

Dalam konteks perundangan semasa di Malaysia, Akta Undang-Undang Keluarga Islam 1984 memperuntukkan secara jelas tentang kewajipan nafkah dan mekanisme penguatkuasaannya melalui Mahkamah Syariah. Namun, beberapa kajian menunjukkan bahawa terdapat jurang yang ketara antara peruntukan undang-undang dengan pelaksanaannya. Kajian oleh Nasohah (2009) mendapati bahawa walaupun perintah nafkah dikeluarkan oleh mahkamah, kadar pematuhan masih rendah akibat daripada kelemahan penguatkuasaan,kekangan dari segi bukti pendapatan, dan sikap culas pihak lelaki. Kajian ini turut mencadangkan penubuhan institusi khusus bagi memantau dan menguatkuasakan perintah nafkah secara lebih proaktif. Sementara itu, kajian oleh Nasohah & Tapah (2011) meneliti kesan pengabaian nafkah terhadap wanita dan mendapati bahawa wanita sering menjadi mangsa ketidakseimbangan kuasa dalam institusi kekeluargaan selepas perceraian. Selain kesan kewangan, pengabaian nafkah turut menjelaskan kestabilan emosi, sosial dan kesejahteraan anak-anak. Penemuan ini mengukuhkan lagi keperluan untuk pendekatan sistematis dan menyeluruh dalam menangani isu tunggakan nafkah dengan bergantung kepada prosedur undang-undang semata-mata.

Dalam dimensi sosial, kajian oleh Nursalim & Anwari (2025) memberi penekanan kepada nilai tanggungjawab dan amanah dalam rumah tangga sebagai asas utama dalam pendidikan Islam. Mereka mencadangkan pengukuhan modul kursus pra-perkahwinan sebagai medium pendidikan awal bagi menanamkan kefahaman tentang tanggungjawab nafkah dan pengurusan kewangan rumah tangga. Pendidikan nilai ini, menurut mereka, perlu diperkasakan bukan sahaja di peringkat awal perkahwinan, tetapi juga secara berterusan dalam masyarakat. Secara keseluruhannya, sorotan literatur menunjukkan bahawa isu pengabaian nafkah zahir merupakan cabaran yang bersifat multidimensi. Ia tidak boleh ditangani secara terpisah antara hukum, perundangan dan sosial. Justeru, terdapat keperluan untuk membangunkan satu kerangka tindakan yang mampu mengintegrasikan dimensi-dimensi ini secara strategik dan berkesan.

Dapatan Kajian

Hasil analisis terhadap jurnal akademik memperlihatkan bahawa isu pengabaian nafkah zahir dalam kalangan masyarakat Melayu adalah fenomena yang bersifat kompleks dan merentas pelbagai dimensi. Antara dapatan utama yang dikenal pasti ialah kelemahan dalam aspek penguatkuasaan undang-undang Syariah berkaitan nafkah. Walaupun perintah mahkamah telah dikeluarkan kepada suami atau bekas suami, kadar pematuhan terhadap perintah tersebut didapati amat rendah. Kajian oleh Piriani & Bahri (2025) menunjukkan bahawa kesukaran mendapatkan maklumat pendapatan, ketiadaan sistem pemantauan berkesan serta kelemahan pelaksanaan waran tangkap menjadi antara punca utama ketidakpatuhan terhadap perintah pemberian nafkah. Kajian oleh Mirfa (2024) turut mengesahkan bahawa penguatkuasaan waran tangkap dalam kes tunggakan nafkah masih tidak konsisten dan memerlukan sinergi antara

Mahkamah Syariah dan pihak polis. Selain itu, dapatan turut menunjukkan bahawa faktor kurangnya pendidikan nilai dan kesedaran agama dalam kalangan suami menyumbang kepada pengabaian tanggungjawab nafkah. Modul kursus pra-perkahwinan yang sedia ada dilihat belum cukup berkesan dalam membentuk kefahaman mendalam tentang peranan suami sebagai penyedia nafkah. Kajian oleh Musthapar (2025) menegaskan bahawa tanggungjawab memberi nafkah bukan sekadar tuntutan undang-undang, tetapi merupakan amanah agama yang perlu diperkuuh melalui pendidikan berterusan dan penanaman nilai tanggungjawab dalam institusi keluarga.

Dari sudut kesan sosial dan ekonomi, dapatan kajian menunjukkan bahawa wanita dan anak-anak merupakan golongan paling terkesan akibat pengabaian nafkah. Tekanan kewangan yang dihadapi oleh ibu tunggal akibat ketiadaan nafkah menyumbang kepada beban sara hidup yang tinggi selain memberi kesan langsung terhadap pendidikan dan kesejahteraan psikologi anak-anak. Kajian oleh Mohammad (2025) membuktikan bahawa ketidaksamarataan dalam pengagihan tanggungjawab pasca perceraian membawa implikasi besar terhadap kestabilan sosial dan emosi ahli keluarga. Akhir sekali, dapatan turut mengenal pasti wujudnya jurang yang ketara antara prinsip hukum Islam yang ideal dengan realiti pelaksanaan di peringkat masyarakat dan institusi. Walaupun fuqaha menegaskan bahawa pemberian nafkah adalah wajib dan pengabaian terhadapnya adalah berdosa serta boleh dikenakan tindakan undang-undang, pelaksanaan sebenar di mahkamah dan dalam masyarakat belum mencapai tahap yang memuaskan. Ini menandakan keperluan mendesak untuk satu kerangka tindakan yang lebih menyeluruh dan bersepdua bagi menangani isu ini secara sistematis.

Perbincangan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menegaskan bahawa isu pengabaian nafkah zahir perlu dilihat sebagai masalah yang melibatkan bukan sahaja aspek perundangan, tetapi juga pendidikan nilai, institusi sokongan dan struktur sosial. Usaha menangani isu ini memerlukan penglibatan pelbagai pihak secara bersepdua agar hak dan maruah wanita serta anak-anak dapat dilindungi selaras dengan tuntutan syarak dan prinsip keadilan dalam Islam. Pengabaian nafkah zahir dalam kalangan masyarakat Melayu perlu dilihat bukan semata-mata sebagai isu perundangan, tetapi sebagai masalah berakar umbi yang melibatkan nilai agama, struktur sosial dan sistem sokongan institusi (Zawawi & Muhammad, 2024). Perbincangan terhadap dapatan kajian menunjukkan bahawa ketidakpatuhan terhadap perintah mahkamah berkaitan nafkah bukan hanya berpunca daripada kelemahan individu semata-mata tetapi turut mencerminkan kekangan penguatkuasaan yang tidak berkesan, kekurangan sumber manusia dalam Bahagian Sokongan Keluarga (BSK), dan ketiadaan sistem pemantauan nafkah secara berpusat. Walaupun undang-undang keluarga Islam telah menyediakan ruang bagi perintah potongan gaji dan waran tangkap, pelaksanaannya masih terbatas akibat prosedur yang bersifat reaktif dan tidak bersepdua antara agensi (Meilani, 2024).

Dari sudut agama pula, kelemahan dalam pemahaman mengenai kedudukan nafkah sebagai amanah merupakan antara faktor utama yang mendorong kepada pengabaian nafkah. Islam tidak hanya mengiktiraf pemberian nafkah sebagai kewajipan hukum malah mengaitkannya dengan nilai kasih sayang, tanggungjawab dan keadilan dalam institusi keluarga. Namun begitu, apabila nilai-nilai ini gagal ditanam dan dipupuk secara konsisten dalam masyarakat khususnya melalui institusi pendidikan dan bimbingan rumah tangga menyebabkan berlakunya jurang antara prinsip hukum dan realiti semasa. Situasi ini menunjukkan bahawa penyelesaian terhadap isu ini tidak boleh disandarkan semata-mata kepada tindakan undang-undang tetapi mesti dilengkapi dengan pendekatan pembudayaan nilai dan kesedaran berdasarkan agama.

Selain itu, tekanan sosioekonomi terhadap wanita dan anak-anak akibat pengabaian nafkah mewujudkan ketidakseimbangan dalam institusi keluarga pasca perceraian. Ibu tunggal yang terpaksa memikul beban kewangan sendirian sering kali berhadapan dengan cabaran seperti kemiskinan bandar, kesukaran mengurus pendidikan anak-anak, serta tekanan psikologi yang memberi kesan terhadap fungsi keibubapaan. Hal ini memberi isyarat jelas tentang keperluan satu sistem sokongan interim seperti Tabung Nafkah atau bantuan zakat bersasar yang mampu melindungi keperluan asas keluarga apabila berlaku kegagalan pemberian nafkah (Asing & Yusof, 2024).

Dalam konteks pendidikan, peranan kursus pra-perkahwinan perlu diperluaskan dan diperkasa sebagai satu medan strategik dalam mendidik bakal suami dan isteri mengenai tanggungjawab nafkah secara praktikal dan nilai. Modul yang berteraskan fiqh kekeluargaan, ekonomi rumah tangga dan nilai tanggungjawab perlu diberi keutamaan dan ditambah baik dengan pendekatan reflektif serta pembinaan kesedaran. Usaha ini bukan sahaja melahirkan pemahaman hukum tetapi juga memupuk komitmen jangka panjang terhadap tanggungjawab nafkah dalam dan selepas perkahwinan. Secara keseluruhan, perbincangan ini memperlihatkan bahawa penyelesaian terhadap isu pengabaian nafkah zahir perlu digarap secara menyeluruh melalui integrasi antara perundangan yang tegas, pendidikan nilai yang berkesan, serta sistem sokongan sosial yang mampan. Kejayaan dalam menangani isu ini bergantung kepada sinergi antara institusi kehakiman Syariah, agensi kebajikan, institusi pendidikan serta kesedaran masyarakat umum dalam menjunjung keadilan dan kesejahteraan institusi keluarga (Mustaphar, Muwazir & Ahmad, 2024).

Cadangan Kerangka Tindakan

Bagi menangani isu pengabaian nafkah zahir secara menyeluruh, satu kerangka tindakan yang bersifat holistik, bersepadau dan kontekstual perlu dibangunkan. Kerangka ini harus merangkumi dimensi perundangan, penerapan nilai, perlindungan sosial dan pemantauan dasar agar intervensi yang dirancang berpaksikan pendekatan yang menyeluruh. Cadangan kerangka tindakan ini disusun berdasarkan dapatan dan perbincangan yang telah diketengahkan dalam kajian ini. Pertama, dari sudut perundangan, penguatkuasaan terhadap perintah nafkah perlu diperkasakan melalui kaedah yang lebih tegas dan berkesan. Ini termasuk pelaksanaan potongan gaji secara automatik terhadap suami atau bekas suami yang telah diarahkan oleh mahkamah untuk membayar nafkah sama ada melalui kerjasama dengan institusi kewangan atau pihak majikan. Di samping itu, Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) perlu diberi bidang kuasa yang lebih luas untuk memantau pelaksanaan perintah nafkah secara berkala selain membolehkan tindakan segera diambil terhadap pesalah yang ingkar. Penggunaan waran tangkap juga perlu dilaksanakan secara konsisten tanpa campur tangan politik atau birokrasi yang membebankan. Penubuhan sistem pangkalan data nafkah yang bersepadau di peringkat negeri dan kebangsaan turut dicadangkan bagi merekod, menjelak dan menilai kadar pematuhan terhadap perintah nafkah secara sistematik.

Kedua, aspek penerapan nilai dan kesedaran agama perlu diberi keutamaan dalam proses pencegahan jangka panjang. Modul kursus pra-perkahwinan sedia ada perlu ditambah baik dengan kandungan yang memberi penekanan terhadap tanggungjawab nafkah, fiqh kekeluargaan, pengurusan kewangan Islam serta nilai amanah dan kasih sayang dalam perkahwinan. Modul ini juga perlu disampaikan secara lebih reflektif dan membina kesedaran nilai yang mendalam. Di samping itu, institusi masjid dan pusat komuniti boleh dijadikan pusat pendidikan rumah tangga secara berterusan melalui kursus pasca-perkahwinan atau bengkel tanggungjawab keluarga. Kempen kesedaran melalui media sosial dan arus perdana juga wajar

digiatkan bagi memupuk kefahaman umum bahawa pemberian nafkah bukan semata-mata tuntutan undang-undang tetapi amanah yang membawa kesan dunia dan akhirat. Ketiga, perlu diwujudkan sistem sokongan sosial dan ekonomi yang dapat membantu golongan wanita dan anak-anak yang menjadi mangsa pengabaian nafkah. Penubuhan Tabung Nafkah Nasional atau Negeri yang khusus bagi bantuan interim amat diperlukan agar keluarga yang terjejas tidak terus terperangkap dalam kitaran kemiskinan. Peranan institusi zakat, baitulmal dan badan bukan kerajaan (NGO) juga perlu diperkasakan melalui penyaluran bantuan bersasar terutamanya dalam bentuk bantuan kewangan, makanan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Di samping itu, penyediaan perkhidmatan kaunseling keluarga serta bantuan guaman percuma bagi ibu tunggal juga wajar disediakan di peringkat daerah dan negeri.

Akhir sekali, kerangka ini mencadangkan agar aspek pemantauan dasar dan penyelidikan turut digerakkan secara berterusan. Penubuhan unit pemantauan dasar nafkah di bawah jabatan agama negeri atau Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) boleh membantu menyelaras data, menjalankan kajian berkala dan menilai keberkesanan intervensi yang dilaksanakan. Institusi pengajian tinggi juga digalakkan untuk melaksanakan penyelidikan berdasarkan lapangan tentang trend tunggakan nafkah, keberkesanan undang-undang serta impaknya terhadap struktur sosial keluarga. Pembentukan indeks pematuhan nafkah mengikut negeri turut boleh dijadikan indikator prestasi bagi menilai pelaksanaan dasar secara lebih objektif dan telus. Secara keseluruhannya, cadangan kerangka tindakan ini memberi penekanan kepada integrasi antara bidang perundangan, pendidikan, sosial dan institusi. Pendekatan bersepada yang melibatkan semua pihak termasuk pihak berkuasa agama, sistem kehakiman dan masyarakat dapat menjamin hak wanita dan anak-anak dilindungi secara efektif selaras dengan prinsip keadilan dan maqasid syariah dalam Islam.

Kesimpulan dan Saran

Kesimpulannya, isu pengabaian nafkah zahir dalam kalangan masyarakat Melayu bukan sahaja mencerminkan pelanggaran terhadap peruntukan undang-undang kekeluargaan Islam malah menunjukkan kegagalan masyarakat dalam menghayati nilai tanggungjawab dan keadilan yang dianjurkan oleh syariat. Kajian ini membuktikan bahawa masalah tunggakan nafkah tidak boleh dilihat sebagai isu individu semata-mata sebaliknya merupakan manifestasi kelemahan dalam aspek penguatkuasaan perintah mahkamah, pendidikan rumah tangga dan perlindungan sosial kepada golongan yang terlibat. Meskipun terdapat mekanisme undang-undang yang sah, realitinya ramai wanita dan anak-anak terus terabai akibat ketiadaan sistem sokongan yang mantap serta kegagalan pelaku melunaskan kewajipan mereka secara sukarela. Secara lebih mendalam, pengabaian nafkah zahir adalah isu yang berkait rapat dengan dimensi kemanusiaan dan moral. Kegagalan memberi nafkah bukan sahaja menjelaskan kelangsungan hidup fizikal isteri dan anak-anak malah turut mengganggu kestabilan emosi, maruah serta pembinaan masa depan mereka. Oleh itu, penyelesaian terhadap isu ini memerlukan pendekatan menyeluruh dan interdisiplin yang menggabungkan tindakan perundangan yang tegas, pendidikan nilai yang konsisten, bantuan sosial yang responsif serta pemantauan dasar yang berterusan.

Sehubungan itu, kajian ini menyarankan beberapa langkah utama. Pertama, pihak berkuasa agama dan kehakiman perlu memantapkan sistem penguatkuasaan perintah nafkah melalui automasi potongan gaji, pemantauan digital serta tindakan tegas terhadap pesalah tegar. Kedua, pendidikan keluarga perlu diperkasa dengan menyemak semula kandungan dan pelaksanaan kursus pra-perkahwinan serta mewujudkan program bimbingan pasca-perkahwinan yang berfokus kepada tanggungjawab nafkah. Ketiga, satu sistem sokongan interim seperti Tabung Nafkah perlu diwujudkan secara institusi di peringkat negeri dan kebangsaan agar kebijakan

wanita dan anak-anak yang teraniaya tidak terus terjejas. Keempat, kajian lanjutan dan berskala besar juga wajar digalakkan bagi menilai keberkesanan dasar serta mengenal pasti jurang perlaksanaan. Secara keseluruhannya, pengabaian nafkah zahir perlu dilihat sebagai cabaran bersama yang menuntut sinergi antara institusi agama, mahkamah, agensi kebaikan, pendidik dan masyarakat sivil. Hanya melalui pendekatan holistik dan kesedaran kolektif, keadilan dan kesejahteraan institusi keluarga Muslim dapat dipelihara secara berterusan, selaras dengan tuntutan syariah dan maqasid dalam pembinaan ummah.

Rujukan

- Fortnum, K., Weber, M. D., Dudley, D., Tudella, E., Kwan, M., Richard, V., & Cairney, J. (2025). Physical literacy, physical activity, and health: A citation content analysis and narrative review. *Sports Medicine-Open*, 11(1), 44.
- Hammad, M. (2014). Hak-hak perempuan pasca perceraian: Nafkah iddah talak dalam hukum keluarga Muslim Indonesia, Malaysia, dan Yordania. *Al-Ahwal: Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 7(1), 17–28.
- Meilani, F. N. (2024). *Perbandingan kebijakan perlindungan perempuan dan anak antara negara Republik Indonesia dan Malaysia perspektif hukum Islam* [Tesis Doktor Falsafah, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta].
- Mirfa, E. (2024). Faktor penyebab tidak terlaksananya pemenuhan hak nafkah anak oleh orang tua. *Meukuta Alam: Jurnal Ilmiah Mahasiswa*, 6(1), 1–10.
- Mohamad, A. A., Hussin, Z. K., & Soh, N. A. C. (2025). Mental instability in the household: Schizophrenia as a reason for dissolution of marriage in Syariah Court. *Abdurrauf Law and Sharia*, 2(1), 112–128.
- Musthapar, N. F. (2025). Kajian rintis bagi persepsi suami isteri terhadap Kursus Modul Bersepadu Pasca Perkahwinan Islam (MBPPI) di negeri Selangor. *Advances in Humanities and Contemporary Studies*, 6(1), 119–126.
- Musthapar, N. F., Muwazir, M. R., & Ahmad, B. (2024). Instrument development of the effectiveness of Islamic post-marriage courses on husband-wife relationships in Selangor: Pembangunan instrumen keberkesanan kursus pasca perkahwinan Islam terhadap perhubungan suami isteri di negeri Selangor. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 33(2), 42–50.
- Nasohah, Z. (2009). Cabaran penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah nafkah di Mahkamah Syariah Negeri Selangor dari perspektif peguam syar'ie. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 13, 115.
- Nasohah, Z., & Tapah, S. (2011). Analisis pelaksanaan prosiding saman penghutang penghakiman dalam penguatkuasaan perintah pembayaran nafkah: Kajian kes mahkamah. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 15, 43.
- Nursalim, E., & Anwari, Z. (2025). Hak dan kewajiban suami istri dalam rumah tangga menurut hukum Islam di Sangatta Utara. *Ahsan: Jurnal Ilmiah Keislaman dan Kemasyarakatan*, 2(1), 24–35.
- Pitriani, P., & Bahri, S. (2025). Pemenuhan hak nafkah anak pasca perceraian menurut undang-undang perkawinan dan hukum adat. *Jurnal Sosial dan Sains*, 5(1), 65–82.
- Saberi, N. S. N., Sulong, J., & Ismail, M. H. (2025). Analisis pelaksanaan penyerahan saman penghutang penghakiman dan amalan negeri-negeri di Mahkamah Syariah di Malaysia. *Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat*, 35(1), 83–94.
- Salam, N. Z. M. A., & Khatib, N. S. M. (2020). Isu tunggakan nafkah: Keperluan penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK). *Journal of Muwaafaqat*, 3(1), 38–51.

- Sholeh, I. F. N., Jannah, S. J., & Faisol, A. (2025). Hak-hak perempuan sesudah perceraian di Indonesia dan Malaysia (Studi komparatif hukum Islam dan undang-undang). *Jurnal Hikmatina*, 7(1), 73–92.
- Sing, I. C. S., & Yusof, M. M. (2024). Cabaran hidup golongan ibu tunggal di Daerah Kuching, Sarawak: Satu kajian kes di Persatuan Keluarga Ibu Tunggal. *Asian People Journal (APJ)*, 7(1), 60–74.
- Syafi'i, M., & Murtadho, A. (2025). Pembaruan hukum keluarga di Malaysia: Antara legitimasi syariah dan tuntutan sosial modern. *At-Taklim: Jurnal Pendidikan Multidisiplin*, 2(6), 491–503.
- Zawawi, N. A. N. M., & Muhammad, F. S. (2024). Pemerkasaan tuntutan nafkah wanita: Kajian di Mahkamah Syariah Kota Bharu. *Jurnal 'Ulwan*, 9(1), 30–41.